

Headline	George Kent bentuk konsortium bida projek HSR
MediaTitle	Berita Harian
Date	13 Feb 2018
Section	Bisnes
Page No	22
Language	Malay
Journalist	N/A
Frequency	Daily



# George Kent bentuk konsortium bida projek HSR

**George Kent** (Malaysia) Bhd bergabung dengan Siemens AG (Jerman), Alstom (Perancis), Ferrovie dello Stato Italiane (FS Group) (Itali) dan Porr AG (Austria) membentuk konsortium untuk membida projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR) Kuala Lumpur - Singapura.

Dalam kenyataan bersama, konsortium itu berkata, ia akan menyediakan tawaran bersama membatik kejuruteraan, perolehan dan pembinaan (EPC) serta operasi dan penyelenggaraan (O&M) bagi tujuan tender ini.

Pengerusi George Kent, Tan Sri Tan Kay Hock, berkata syarikat sudah membentuk pasukan yang kukuh dan akan bekerjasama dengan rakanyang berpengalaman untuk melaksanakan dan menyelenggara sistem kereta api berkelajuan tinggi yang paling selamat dan paling dipercayai di dunia.

"Kami menyasarkan untuk memudahkan pemindahan teknologi dan memaksimumkan kandungan tempatan, sumber dan modal insan sejajar dengan aspirasi Malaysia untuk membangunkan industri kereta api yang berdaya tahan dan

berdaya maju," katanya.

## **Pemindahan teknologi**

Ketua Siemens Mobility Asia Pasifik, Michel Obadia, berkata syarikat komited kepada pemindahan teknologi ke Malaysia dan Singapura, selain berharap untuk meneruskan kerjasamanya dengan kedua-dua negara berhubung projek ikonik ini.

"Dengan bantuan rangkaian pakar kami yang diiktiraf pada peringkat global, kami akan dapat menyediakan penyelesaian teknikal paling inovatif bagi perjalanan yang selesa dan selamat," katanya.

Naib Presiden Kanan Alstom Asia Pasifik, Jean-Francois Beaudoin, berkata dengan kepakaran syarikat dalam projek berkelajuan tinggi yang kompleks, ia meneliti tender dan mencari kerjasama yang terbaik, pada peringkat tempatan dan antarabangsa, dalam menawarkan penyelesaian terbaik kepada Singapura dan Malaysia.

Projek HSR yang diumumkan pada 2010 akan menghubungkan Kuala Lumpur dan Johor Bahru dengan Singapura dan dijangka siap pada 2026.

**BERNAMA**